

11 DEC 2001

Parlimen-Tanggung

PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT DITANGGUH

KUALA LUMPUR, 11 Dis (Bernama) -- Persidangan Dewan Rakyat hari ini ditangguhkan kepada satu tarikh yang akan ditetapkan kemudian setelah 35 hari bersidang.

Persidangan bermula 8 Okt lepas dan diikuti dengan pembentangan Belanjawan 2002 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Menteri Kewangan pada 19 Okt.

Selain Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan 2001 dan Perbekalan 2002, sebanyak 15 Rang Undang-undang diluluskan pada persidangan kali ini.

Antaranya termasuk Rang Undang-undang Perbadanan Harta Intelek Malaysia 2001, Rang Undang-undang Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) (Pindaan) 2001, Rang Undang-undang Penapisan Filem 2001, Rang Undang-undang Bank Negara dan Rang Undang-undang Panglima Gagah Berani (Elaun Kenangan) 2001.

Persidangan kali ini juga menyaksikan seorang anggota Parlimen, Fong Po Kuan (DAP-Batu Gajah) digantung keanggotaannya berikutan kenyataan akhbaranya yang didapati menghina Parlimen.

Beliau juga tidak akan diberi bayaran elaun sepanjang tempoh penggantungan itu.

Yang Dipertua Dewan Rakyat Tun Dr Mohamed Zahir Ismail ketika mengumumkan penangguhan itu mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada anggota Parlimen yang memberikan kerjasama untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dipertanggungjawabkan.

Dr Mohamed Zahir yang juga mewakili timbalan-timbalannya mengucapkan Selamat Hari Raya dan memohon maaf zahir dan batin jika ada silap dan salah semasa perjalanan mesyuarat selama bersidang.

"Selamat pulang ke rumah masing-masing dan Selamat Tahun Baru Cina...Moga-moga kita jumpa lagi pada awal tahun depan," katanya sebelum menangguhkan persidangan.

-- BERNAMA

SHS RZS ZB